

D.R. 27/96

Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Lembaga Kemajuan
Trengganu Tengah 1973.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG
oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan
nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat
yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa
daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Kemajuan
Trengganu Tengah (Pindaan) 1996.

Tajuk
ringkas.

2. Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah 1973
yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda
dalam seksyen 2 dengan memasukkan selepas takrif
"Negeri" takrif yang berikut:

Pindaan
seksyen 2.
Akta 104.

' "pegawai perakaunan" termasuklah tiap-tiap
pegawai dan penjawat yang dipertanggung dengan
kewajipan memungut, menerima, atau mengakaunkan,
atau yang sebenarnya memungut, menerima atau
mengakaunkan, apa-apa wang dalam Kumpulan
Wang, atau yang dipertanggung dengan tugas
membayar, atau yang sebenarnya membayar,
apa-apa wang, dan tiap-tiap pegawai dan penjawat
yang dipertanggung dengan penerimaan, penjagaan
atau pelupusan, atau pengakaunan, apa-apa barang

(b) seseorang pegawai yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada mana-mana pegawai atau penjawat yang ke atasnya jawatankuasa yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tatatertib.

(4) Jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah subseksyen (2)(b) hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara berhubungan dengan tatatertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(5) Pada menjalankan tugas dan kuasa tatatertibnya, sesuatu jawatankuasa tatatertib yang disebut dalam subseksyen (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tatatertib dan mengenakan apa-apa hukuman tatatertib atau apa-apa kombinasi dua hukuman tatatertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 16c.

Rayuan
terhadap
keputusan
jawatan-
kuasa tata-
tertib.

16B. (1) Sesuatu keputusan jawatankuasa tatatertib di bawah seksyen 16A(2)(2) bolehlah dirayu kepada Menteri.

(2) Sesuatu keputusan jawatankuasa tatatertib di bawah seksyen 16A(2)(b) bolehlah dirayu kepada Jawatankuasa Rayuan Tatatertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

(a) Pengerusi Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tatatertib dan mempunyai undi pemutus; dan

(b) tiga orang anggota Lembaga, yang bukan anggota jawatankuasa tatatertib yang keputusannya adalah hal perkara

rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Jawatankuasa Rayuan Tata tertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(3) Menteri atau Jawatankuasa Rayuan Tata tertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan Jawatankuasa tata tertib.

(4) Apabila Jawatankuasa Rayuan Tata tertib menimbangkan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (2), seorang anggota Jawatankuasa tata tertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat yang juga anggota Lembaga tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding yang berhubungan dengan rayuan itu.

(5) Keputusan Menteri atau Jawatankuasa Rayuan Tata tertib di bawah subseksyen (3) adalah muktamad dan konklusif.

Kuasa
membuat
peraturan-
peraturan
tata tertib.

16c. (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang difikirkannya perlu atau suaimanfaat untuk mengadakan peruntukan bagi tata tertib pegawai-pegawai dan penjawat-penjawat Lembaga.

(2) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

(a) boleh mewujudkan kesalahan tata tertib;

(b) boleh mengadakan peruntukan bagi apa-apa hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman itu boleh meliputi amaran, denda, pelucuthakan emolumen, penangguhan pergerakan gaji, pengurangan gaji, penurunan pangkat dan buang kerja;

- (c) hendaklah memberikan kepada orang yang terhadapnya prosiding tatatertib itu diambil peluang membuat representasi terhadap pertuduhan tatatertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tatatertib itu kecuali dalam hal-hal yang berikut:
- (i) jika seseorang pegawai atau penjawat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan kelakuan yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
 - (ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan hal-ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak subperenggan ini; atau
 - (iii) jika telah dibuat terhadap seseorang pegawai atau penjawat Lembaga apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi, atau jika telah dikenakan terhadap pegawai atau penjawat Lembaga apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainya, di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;

- (d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen pegawai atau penjawat Lembaga sementara menanti selesainya prosiding jenayah terhadapnya atau prosiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya; dan
- (e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pegawai atau penjawat Lembaga jika pegawai atau penjawat itu telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah jenayah atau jika suatu perintah tahanan atau sekatah telah dibuat berkenaan dengan atau dikenakan terhadap pegawai atau penjawat itu.

Pengenaan
surcaj

16D. (1) Seseorang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

- (a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;
- (b) adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Lembaga yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau telah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau

(e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau telah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Lembaga kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah, sebelum orang itu disurcraj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcraj.

(3) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis seperti yang disebut terdahulu, Lembaga boleh—

(a) dalam hal subseksyen (1)(a), (b) dan (c), mensurcrajkan terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan dalam, atau pemusnahan harta yang dilakukan; dan

(b) dalam hal subseksyen (1)(d) dan (e), mensurcrajkan apa-apa jumlah wang terhadap orang itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

Pemben-
tahuan
surcraj.

16E. Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcrajkan berkenaan dengan surcraj yang dikenakan di bawah seksyen 16D(3).

Penarik-
bahkan
surcraj

16F. Walau apa pun seksyen 16D(3) dan 16E, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcraj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima

atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj akan penarikbalikan itu.

Mendapat-
kan surcaj.

16G. Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 16D(3) dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 16F hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang terhadapnya surcaj itu dikenakan dan boleh didakwa dan diperdapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga, jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga, diperdapatkan melalui potongan—

- (a) daripada gaji orang yang disurcajkan; atau
- (b) daripada pencen orang yang disurcajkan,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

Keanggotaan
Lembaga
dalam kes
khas.

16H. Dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Pengurus Besar, keanggotaan Lembaga bagi maksud seksyen 16D dan 16G tidaklah termasuk Pengurus Besar."

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Lembaga Kemajuan Trengganu Tengah 1973 ("Akta").

2. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perkara permulaan.
3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memasukkan takrif "pegawai perakaunan".
4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan seksyen baru 16A, 16B, 16C, 16D, 16E, 16F, 16G dan 16H. Seksyen baru 16A yang dicadangkan bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan jawatankuasa tatatertib bagi kategori yang berlainan pegawai-pegawai dan penjawat-

penjawat Lembaga. Seksyen baru 16B yang dicadangkan bertujuan membenarkan rayuan dibuat kepada Menteri atau Jawatankuasa Rayuan Tata tertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, terhadap keputusan Jawatankuasa tata tertib. Seksyen baru 16c yang dicadangkan bertujuan memberi kuasa kepada Lembaga, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan bagi mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan hukuman tata tertib. Seksyen baru 16D, 16E, 16F dan 16G adalah berhubungan dengan pengenaan surcaj terhadap mana-mana orang yang sedang atau telah bekerja dengan Lembaga. Seksyen baru 16H yang dicadangkan bertujuan memperuntukkan dalam apa-apa tindakan surcaj terhadap Pengurus Besar, komposisi Lembaga bagi maksud seksyen 16D dan 16G tidak termasuk Pengurus Besar.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan.

[PN. (U²) 1720/C.]